

Lambang perkembangan syiar Islam

Masjid Abidin mercu tanda Terengganu

→ Masjid Abidin menjadi saksi perkembangan Islam di Terengganu.

→ Mula dibina sekitar 1790-an semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin II, daripada kayu di Kampung Masjid.

→ Berlaku beberapa kali pengubahsuaian dengan yang terkini siap sepenuhnya pada 2014.

→ Turut dikenali sebagai Masjid Putih dan Masjid Besar, memperlihatkan penggunaan kubah seakan rekaan kubah kecil yang digunakan di Istana Topkapi Istanbul, Turki.

→ Antara perubahan ketara, menara masjid dibina setinggi sembilan tingkat.

→ Masjid ini turut menjadi tempat persemadian tujuh orang sultan yang pernah memerintah dan seorang permaisuri negeri Terengganu.

UTUSAN MALAYSIA

BANGUNAN Masjid Abidin yang terkini di Kuala Terengganu, Terengganu.

NEGERI Terengganu merupakan antara negeri yang terkenal dengan budaya dan seni Melayu Islam sejak abad ke-14 Masihi berdasarkan penemuan Batu Bersurat

Terengganu. Sehingga kini, Terengganu masih memiliki dan meneruskan pemeliharaan warisan seni Islam tempatan.

Sebuah masjid yang dikenali sebagai Masjid Abidin telah menjadi saksi perkembangan Islam di Terengganu. Masjid yang bersejarah ini direkodkan pembinaannya pada sekitar tahun 1790-an di bawah pemerintahan Sultan Zainal Abidin II. Baginda memerintahkan sebuah bangunan masjid yang diperbuat daripada kayu dibina di atas sebidang tanah di Kampung Masjid.

kesenian islam



Oleh ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA
rosmahwati@ukm.edu.my

Bermula daripada itu, bangunan masjid ini menyaksikan pelbagai perkembangan yang berlaku di Terengganu. Malah ia juga turut mengalami perubahan seiring dengan kemajuan yang dicapai di Terengganu. Bangunan masjid yang didirikan oleh Sultan Zainal Abidin II dalam abad ke-18 Masihi ini tetap mendapat perhatian daripada Sultan yang memerintah selepas baginda.

Sultan Umar telah menukar bangunan masjid daripada kayu kepada bangunan batu. Manakala ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin III pada awal abad ke-20 Masihi iaitu pada tahun 1901, baginda telah menaiktaraf dan membesarkan bangunan masjid serta dikurniakan dengan nama Masjid Abidin.

Pada tahun 1972, bangunan masjid ini

dibina semula dengan rekaan yang mirip dengan rekaan Masjid Negara di bawah pemerintahan Sultan Ismail Nasiruddin Shah kecuali ia menggunakan kubah kecil berwarna kuning. Bahagian yang paling ketara ialah bahagian menara masjid di mana ia menggunakan rekaan payung yang tertutup sebagai rekaan di bahagian puncak menara.

Namun begitu, ia masih mengekalkan sebahagian bangunan masjid yang masih menggunakan atap genting dan kubah berwarna putih pada waktu itu. Ia seperti menyaksikan gabungan seni bina tempatan dan moden pada waktu itu.

Perkembangan seni bina masjid yang seterusnya ialah ketika pemerintahan Sultan Mizan Zainal Abidin yang menyaksikan pembinaan semula bangunan dan kawasan masjid yang siap sepenuhnya pada tahun 2014. Bangunan masjid yang terbaru berwarna putih menyerlahkan Masjid Abidin sebagai rumah ibadah umat Islam di Terengganu.

Bangunan masjid ini turut dikenali sebagai Masjid Putih dan Masjid Besar. Ia memperlihatkan penggunaan kubah seakan rekaan kubah kecil yang digunakan di Istana Topkapi Istanbul, Turki. Satu lagi bahagian masjid yang mengalami perubahan secara keseluruhannya ialah bahagian menara di mana menara terbaru ini setinggi sembilan tingkat.

Bahagian menara ini juga tidak diasingkan sebagai unit lain tetapi dibina sebagai sebahagian daripada bangunan utama masjid. Masjid ini turut menjadi tempat persemadian bagi tujuh orang sultan yang pernah memerintah dan seorang permaisuri negeri Terengganu. Rekaan bangunan Masjid Abidin yang terkini ini menggabungkan rekaan seni bina Islam tempatan dan luar yang menyerlahkan lagi keagungan Islam di negeri Terengganu. Cintailah dan sayangilah warisan kesenian Islam tempatan.

